

**MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM
(BAHAGIAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM)**

AKHBAR : SINAR HARIAN
TARIKH / HARI : 02 JANUARI 2017 (ISNIN)

MBSA dedah teknik pembersihan sungai kepada sukarelawan

2/1/2017 SHT

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) buat julung kalinya menganjurkan Program Pembersihan Sungai di kawasan pentadbiran MBSA di Sungai Damansara (Kawasan Perumahan TTDI), Seksyen 13, di sini baru-baru ini.

Program melibatkan penyertaan seramai 150 peserta terdiri daripada pihak pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan sukarelawan dari Universiti Teknologi Mara (UiTM) Puncak Alam serta Management and Science University (MSU) yang aktif di dalam program berkaitan pengindahan dan pembersihan sungai.

Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam MBSA, Shahrin Ahmad berkata, melalui program ini, MBSA menyasarkan untuk memberi pendedahan yang meluas kepada peserta terhadap kepentingan sungai sebagai salah satu aset alam semula jadi yang perlu dipelihara.

Selain itu, pihak itu juga berharap dapat meningkatkan kesedaran dalam kalangan peserta dan komuniti Shah Alam mengenai usaha pemeliharaan dan pemuliharaan sungai yang boleh dilaksanakan mereka.

"Penganjuran program ini juga komitmen berterusan pihak MBSA untuk menjadikan Bandaraya Shah Alam sebuah bandar raya yang bersih dan indah.

"Antara aktiviti yang dijalankan ialah membersihkan sampah di pesisiran sungai serta penanaman pokok di kawasan rizab sungai. Peserta juga turut didedahkan dengan pengetahuan dan teknik mengurus sungai serta kawasan tadahan," katanya.

Majlis perasmian disempurnakan Ahli Majlis MBSA, Tan Ah Kow dan dihadiri ahli majlis dan pengarah Jabatan MBSA.



Ah Kow turut sama menanam pokok di kawasan rizab MBSA.